

ULANGKAJI TOPIKAL PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 3

NAMA:

--

KELAS:

--

BAHAGIAN A

(10 markah)

Jawab **semua** soalan.

1. Pilih pernyataan yang benar berkaitan dengan keimanan kepada al-Quran.
 - A. Al-Quran adalah sumber rujukan utama umat Islam.
 - B. Al-Quran membicarakan tentang hal-hal keduniaan sahaja.
 - C. Al-Quran sesuai untuk panduan kepada orang Arab sahaja.
 - D. Al-Quran tidak akan kekal hingga hari akhirat.

Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka.

2. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
 - A. ismah rasul
 - B. mukjizat
 - C. sihir
 - D. karamah
3. Antara berikut yang manakah kesan beriman kepada Allah SWT?
 - A. Bangga diri dengan nikmat yang diperolehi.
 - B. Bertawakal tanpa berusaha.
 - C. Riak dalam melakukan ibadat.
 - D. Yakin dan patuh kepada perintah Allah SWT.


- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Ilmu perubatan• Ilmu pertanian• Ilmu ekonomi |
|--|

4. Pernyataan di atas merujuk kepada perkara _____.
 - A. fardu ain
 - B. fardu kifayah
 - C. ibadat khusus
 - D. ibadat umum

5. Berikut merupakan air mutlak **kecuali**..
- A. Air kelapa
 - B. Air perigi
 - C. Air paip
 - D. Air laut
6. Hukum solat Jumaat ke atas setiap lelaki Muslim yang mukalaf ialah _____.
- A. fardu ain
 - B. fardu kifayah
 - C. sunat muakkad
 - D. sunat
7. Antara yang berikut siapakah yang merupakan ibu susuan Nabi Muhammad SAW?
- A. Aminah binti Wahab
 - B. Halimatu Sa'diah
 - C. Siti Khadijah
 - D. Siti Aishah
- Puteri bongsu Rasulullah SAW.
 - Kanak-kanak perempuan yang pertama memeluk Islam
 - Pendorong kepada Rasulullah SAW ketika ditentang oleh kafir Quraisy.
8. Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.
- A. Sayidatina Aisyah
 - B. Sayidatina Fatimah
 - C. Sayidatina Khadijah
 - D. Sayidatina Sumaiyah
9. Antara yang berikut yang manakah cara mengamalkan sikap qanaah dalam hidup?
- A. Bersyukur dan reda dengan nikmat yang diperoleh.
 - B. Malas bekerja dan sering meminta-minta.
 - C. Hidup dikelilingi dengan kemewahan.
 - D. Tidak yakin dengan janji Allah SWT.
10. Pilih pernyataan yang bukan menerangkan cara menyuburkan sifat kasih sayang.
- A. Tolong-menolong ke arah kebaikan.
 - B. Bersangka baik terhadap orang lain.
 - C. Bersikap sombong terhadap orang lain.
 - D. Berkomunikasi dengan sopan dan baik.

BAHAGIAN B
(20 Markah)
Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:



Ayat di atas menjelaskan tentang suruhan Allah SWT supaya menjaga kehormatan diri dan tidak melihat perkara yang haram.

Isi tempat kosong dengan pilihan yang betul.

manusia	syarak	wanita	lelaki
---------	--------	--------	--------

- (i) Berpakaian yang menepati kehendak adalah antara cara memelihara kehormatan diri.
- (ii) Aurat seorang wanita dengan bukan mahramnya ialah seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.

[2 markah]

(b) Islam memerintahkan umatnya agar sentiasa menjaga maruah dan kehormatan diri.

Huraikan apa yang akan berlaku sekiranya umat Islam mengabaikan perintah Allah SWT yang terdapat di dalam ayat.

[4 markah]


2. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ الثُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

(بخاري ومسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang perkara yang halal dan perkara yang haram dan di antara keduanya ada perkara syubhah.

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

(b) Terangkan **satu** pengajaran daripada hadis di atas.

[2 markah]

BAHAGIAN C
(10 markah)
Jawab **semua** soalan.

3. (a) Tulis (Tanda Kecil) pada pernyataan yang berkaitan dengan tanda-tanda kecil hari kiamat dan (Tanda Besar) pada pernyataan yang berkaitan dengan tanda-tanda besar hari kiamat.

(i) Munculnya Imam Mahdi yang bernama Muhammad bin Abdullah.

(ii) Negara Arab dipenuhi sungai dan taman yang menghidu.

[2 markah]

(b) Pilih jawapan yang **betul** dalam kurungan.

(i) (/) ialah setiap kejadian alam yang dapat dilihat, diperhati dan dikaji oleh pancaindera.

(ii) Mengaku dengan lidah, membenarkan dalam hati dan mengamalkan segala perintah Allah SWT dengan anggota ialah pengertian (/).

[2 markah]

(c) Neraka adalah tempat yang dipenuhi dengan azab dan seburuk-buruk pembalasan. Sebagai orang beriman, bagaimanakah anda berusaha untuk menghindarkan diri daripada balasan api neraka?

[4 markah]

(d) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Khaliq.

[2 markah]

BAHAGIAN D
(10 markah)
Jawab **semua** soalan.

4. (a) Nyatakan **dua** rukun puasa.

1.
2.

[2 markah]

(b) Pilih hukum yang betul bagi situasi di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Wajib	Haram	Sunat	Harus	Makruh
-------	-------	-------	-------	--------

1. Puan Badariah menjamu orang lain untuk berbuka puasa pada bulan Ramadhan.
2. Puan Ramizah mengqada puasa Ramadhan pada 11 dan 12 Zulhijjah.

[2 markah]

(c) Tandakan (X) pada pernyataan yang menerangkan perkara sunat puasa dan (Y) pada perkara makruh puasa di dalam kotak yang disediakan.

(i) Bersegera untuk berbuka puasa.

(ii) merasa makanan dengan lidah tanpa menelannya.

[2 markah]

(d) Senaraikan **dua** amalan sunat semasa menyambut hari raya.

- | |
|----|
| 1. |
| 2. |


[2 markah]

(e) Terangkan hikmah disyariatkan hari raya.

[2 markah]

BAHAGIAN E
(10 markah)
Jawab **semua** soalan.

5. (a) Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



(b) Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah mengenai factor kejayaan pembukaan Kota Mekah.

No.	Pernyataan	Tanda (/) atau (X)
i.	Tentera Islam mempunyai semangat jihad yang tinggi dan penuh berdisiplin.	
ii.	Ramai pemimpin Quraisy telah terbunuh dalam peperangan dan sebahagiannya lari ke negara lain.	
iii.	Musyrikin Mekah semakin lemah kerana ramai pemimpinnya memeluk Islam.	

[3 markah]

(c) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

memahami	menghormati	terima kasih	salam	sopan
----------	-------------	--------------	-------	-------

- (i) Murid yang beradab mengucapkan setelah selesai guru mengajar.
- (ii) Beradab dengan guru akan memudahkan seseorang pengajaran dan pembelajaran guru.

[2 markah]

(d) Jelaskan **dua** adab ketika berada di dalam masjid.

1.	
2.	

[2 markah]